



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### *Untuk makluman:*

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 15 April 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

# 500 kotak minyak masak bersubsidi dirampas

Oleh Hamzah Sanudin

**TAWAU:** Batalion 14 Pasukan Gerakan Am (PGA) Tawau rampas 500 kotak minyak masak bersubsidi disyaki cuba diseludup keluar dalam operasi di sebuah premis di Jalan Apas, Batu 3½, di sini, Sabtu lalu.

Rampasan menerusi 'Op Taring Bravo 2' dijalankan berdasarkan maklumat dan risikan Pasukan Task Force Perisikan Batalion 14 PGA.

Komander PGA Sabah, Senior Asisten Komisioner, Datuk Abdul Rani Alias berkata, sebelum itu, pihaknya menerima maklumat mengenai kegiatan penyeludupan barang kawalan di kawasan berkenaan.

Katanya, hasil serbuan, dua individu warga tempatan turut ditahan dan sejumlah besar barang

kawalan iaitu 500 kotak minyak masak dan setiap kotak mengandungi 17 peket (1 kilogram) ditemukan.

"Turut dirampas sebuah lori tiga tan disyaki digunakan dalam kegiatan itu dan anggaran nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM270,250.

"Semua Tangkapan dan rampasan telah diserahkan kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Tawau," katanya dalam kenyataan media, di sini, semalam.

Menurutnya, siasatan masih diterus bagi mengetahui pasti dalang aktiviti penyeludupan barang kawalan berkenaan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu memiliki barang kawalan dengan niat melakukan kesalahan," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN

**BERITA ONLINE BERTARIKH 15 APRIL 2025**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
15-Apr	500 kotak minyak masak bersubsidi dirampas	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/04/14/500-kotak-minyak-masak-bersubsidi-dirampas">https://www.utusanborneo.com.my/2025/04/14/500-kotak-minyak-masak-bersubsidi-dirampas</a>	UTUSAN BORNEO
15-Apr	Pemilik syarikat didenda RM15,000 sembunyi minyak masak peket	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/pemilik-syarikat-didenda-rm15000-sembunyi-minyak-masak-peket/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/pemilik-syarikat-didenda-rm15000-sembunyi-minyak-masak-peket/</a>	TV3
15-Apr	Belasungkawa; Armizan Zahir Ucapan Takziah Pemergian Pak Lah	<a href="https://www.nama.com.my/video/tvclip/2025/04/15/20250415_t60_awi-1200am_5.mp4">https://www.nama.com.my/video/tvclip/2025/04/15/20250415_t60_awi-1200am_5.mp4</a>	ASTRO AWANI